

CNS3442
R GB 01-05 00153 BC689
AAB

Mahathir - Afrika Selatan
MALAYSIA AKAN TINGKATKAN PERDAGANGAN DENGAN AFRIKA SELATAN
Daripada Zainoor Sulaiman

HARARE, 1 Mei (Bernama) -- Malaysia akan melabur di Afrika Selatan serta meningkatkan perdagangan dan kerjasama ekonomi dua-hala bagi membantu negara itu membangun semula ekoran pemilihan sebuah kerajaan yang demokratik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau membincangkan perkara itu dalam pertemuannya dengan pemimpin Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) Nelson Mandela dan Presiden De Klerk dalam lawatan singkatnya ke Afrika Selatan, semalam.

Beliau memberitahu para wartawan Malaysia yang meliputi lawatannya selama lima hari ke sini bahawa kedua-dua pemimpin itu menyambut baik cadangan itu.

Dr Mahathir bertemu Mandela selama dua jam di Johannesburg dan kira-kira setengah jam dengan De Klerk, di Pretoria.

Beliau berkata Malaysia juga menawarkan bantuan latihan dalam bidang-bidang tersebut kepada pegawai-pegawai Afrika Selatan jika diminta oleh kerajaan baru nanti. -- Lagi

▼01/05/18-51MST

CNS3443
R GB 01-05 00150 BC690
AAB

Mahathir - Afrika Selatan 2 Harare

Kedua-dua pemimpin itu telah mengundang beliau membuat lawatan rasmi ke Afrika Selatan dan beliau juga mengundang Mandela dan De Klerk membuat lawatan ke Malaysia.

Perdana Menteri berkata, beliau telah dimaklumkan bahawa pilihan raya umum berjalan lancar di Afrika Selatan meskipun terdapat kekecohan ekoran letupan bom.

"Saya tidak nampak sebarang ketegangan di sana," katanya.

Mandela dan De Klerk bersetuju untuk menyelesaikan sebarang kepincangan melalui perbincangan," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan menghantar satu delegasi peringkat tertinggi untuk menghadiri majlis mengangkat sumpah presiden baru Afrika Selatan minggu depan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak dapat mengahdirinya kerana akan berada di China tetapi akan menghantar wakil menghadiri majlis itu.

Menurut laporan yang tiba di sini, Mandela dijangka dilantik sebagai Presiden baru pada persidangan anggota-anggota Parlimen yang baru di Cape Town, minggu depan. -- Lagi

▼01/05/18-57MST

CNS3447
R GB 01-05 00096 BC691
AAB

Mahathir - Afrika Selatan 3 (akhir) Harare

Dr Mahathir diiringi oleh isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali dalam lawatan singkatnya ke Afrika Selatan.

Beliau berlepas ke Maghribi hari ini untuk lawatan tidak rasmi.

"Tujuan lawatan saya ke Maghribi ialah ingin melihat masjid baru di Casablanca," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata, beliau akan melawat Paris pada Rabu ini dan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Perancis, Fdouard Balladur.

-- Bernama

ZBS CR

▼01/05/19-03MST